

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 OKTOBER 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI tawar pembiayaan dana R&D untuk rangsang ekonomi negara	BERNAMA
2.	4,106 project implemented by MOSTI as of Oct this year	BERNAMA
3.	MOSTI tawar pembiayaan dana R&D	Sinar Harian
4.	Usaha turunkan kes demam denggi – Ewon Ebin	Utusan Malaysia
5.	Mousticide kekang denggi di KL Sentral	Berita Harian
6.	Fighting dengue with larvicide	The Star
7.	Mousticide – Controlling dengue and malaria at the source	Astro Awani
8.	Tingkat inovasi berimpak tinggi	Harian Metro
9.	TPM-BTP jalin kerjasama	Utusan Malaysia
10.	TPM, BTP bekerjasama bantu pesera inkubator tembusi pasaran global	BERNAMA
11.	Tidak standards tanpa label	Harian Metro
12.	Internet: 40% pelajar tidak tahu kaedah lindungi diri	Utusan Malaysia
13.	Terdedah risiko jenayah siber	KOSMO
14.	Puting beliung landa Pendang	KOSMO
15.	'Bumbung, dinding rumah berterbangan'	Berita Harian
16.	Rare 'twister' wreaks havoc	The Malay Mail
17.	Bukan puting beliung	Utusan Malaysia

18.	Ujian DNA jadi dokumen sokong	KOSMO
19.	Parlimen: Keputusan DNA boleh jasikan dokumen sokongan permohonan kewarganegaraan	BERNAMA
20.	Pesara, Bilal cedera parah	Berita Harian
21.	Dihempap keretra depan masjid	Harian Metro



MOSTI Tawar Pembiayaan Dana R&D Untuk Rangsang Ekonomi Negara - Dr Ewon Ebin

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) menawarkan pembiayaan tiga dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) - Science Fund, Techno Fund dan Inno Fund bagi merangsang ekonomi negara.

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\), Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata pembiayaan dalam bentuk dana atau geran itu merangkumi fasa pengkomersilan.

"Di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) untuk tahun 2011 hingga 2015, selain tiga dana berkenaan, Mosti turut menawarkan Commercialization Fund, Biotech Commercialization Fund dan Technology Acquisition Fund," katanya dalam satu kenyataan di sini Selasa.

Sehingga Oktober 2014, sebanyak 4,106 projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan disiapkan dan 1,172 daripadanya berpotensi dikomersilkan sementara 366 telah berjaya dikomersilkan, katanya.

Ewon berkata selaras dengan peruntukan Bajet 2015, kementerian mensasarkan sebanyak 360 produk inovasi berimpak tinggi untuk dikomersilkan menjelang tahun 2020.

Sehubungan itu, Mosti telah melancarkan Tahun Pengkomersilan Mosti tahun ini dengan sasaran 60 produk untuk dikomersilkan pada akhir 2014.

Senarai direktori produk yang telah berjaya dikomersilkan itu boleh diperolehi dengan melayari laman web www.mosti.gov.my

Produk berkenaan juga akan dipamerkan di Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2014 (NICE2014) mulai 31 Oktober hingga 2 November depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), katanya.

-- BERNAMA



4,106 Projects Implemented By MOSTI As Of Oct This Year

PUTRAJAYA, Oct 14 (Bernama) -- [The Ministry of Science, Technology and Innovation \(MOSTI\)](#) has completed 4,106 projects as of October this year.

The ministry, in a statement issued here today, said the projects included 1,172 with potential to be commercialised and 366 projects which had been commercialised.

The products included B-Smart Telematic Services, Motorised Cutter for Palm Oil Harvesting and Sophisticated, Organic Certified, Preservative-Free Natural Plant Based Personal & Skin Care Product, it said.

In line with the allocation set for the ministry in the 2015 Budget, the ministry is targeting to commercialise 360 high-impact innovative products by 2020 and various activities have been implemented to achieve the target.

It said the ministry aimed to commercialise 60 products by end of this year as part of its contribution to achieve the government's objective of making Malaysia a high-income country.

The list of products that have been commercialised can be viewed by surfing the ministry's website at www.mosti.gov.my.

The products will also be displayed at the National Innovation Conference and Exhibition (NICE2014), to be held from Oct 31 to Nov 2 at the Putra World trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur.

-- BERNAMA



Mosti tawar pembiayaan dana R&D

KUALA LUMPUR - **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** menawarkan pembiayaan tiga dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) - Science Fund, Techno Fund dan Inno Fund bagi merangsang ekonomi negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Dr Ewon Ebin berkata, pembiayaan dalam bentuk dana atau geran itu merangkumi fasa pengkomersilan.

"Di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) untuk tahun 2011 hingga 2015, selain tiga dana berkenaan, Mosti turut menawarkan Commercialization Fund, Biotech Commercialization Fund dan Technology Acquisition Fund," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Sehingga Oktober 2014, sebanyak 4,106 projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan disiapkan dan 1,172 daripadanya berpotensi dikomersilkan sementara 366 telah berjaya dikomersilkan, katanya.

Ewon berkata, selaras dengan peruntukan Bajet 2015, kementerian mensasarkan sebanyak 360 produk inovasi berimpak tinggi untuk dikomersilkan menjelang tahun 2020.

Sehubungan itu, Mosti telah melancarkan Tahun Pengkomersilan Mosti tahun ini dengan sasaran 60 produk untuk dikomersilkan pada akhir 2014.

Senarai direktori produk yang telah berjaya dikomersilkan itu boleh diperolehi dengan melayari laman web www.mosti.gov.my

Produk berkenaan juga akan dipamerkan di Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2014 (NICE2014) mulai 31 Oktober hingga 2 November depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), katanya

Usaha turunkan kadar kes demam denggi - Ewon Ebin

Tiga negeri guna Mousticide

Oleh FARHANA JONI
penigarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan menggunakan produk pembunuh nyamuk yang dikenali sebagai Mousticide di Selangor, Kelantan dan Wilayah Persekutuan sebagai langkah menangani kes demam denggi yang semakin meningkat.

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, sekiranya kadar kes demam denggi di tiga buah negeri tersebut berjaya mencatat penurunan yang ketara, produk keluaran syarikat tempatan itu akan diguna pakai oleh Kementerian Kesihatan.

Kementerian optimis dengan penggunaan teknologi baharu ini kerana kadar kes demam denggi di Singapura, Filipina dan Thailand menurun sebanyak 61 peratus sejak tahun lalu.

EWON EBIN
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Katanya, sebagai langkah awal, kementerian menjalinkan kerjasama dengan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dengan menggunakan produk tersebut di KL Sentral

sebelum diperluaskan ke beberapa kawasan sekitar bandar raya ini.

"Kementerian optimis dengan penggunaan teknologi baharu ini kerana kadar kes demam denggi di



Singapura, Filipina dan Thailand menurun sebanyak 61 peratus sejak tahun lalu.

"Berdasarkan statistik tiga negara luar itu, kita berharap teknologi yang dipelopori oleh syarikat tempatan, EntoGenex Industries Sdn. Bhd. (EntoGenex) ini mampu membasmi wabak denggi yang semakin menular di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja di bangunan KL Sentral dan NU Sentral, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan MRCB, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din dan Pengerusi EntoGenex, Tunku Naquiddin Tuanku Ja'afar.

Mengulas lanjut beliau berkata, produk Mousticide adalah selamat untuk digunakan di lokasi-lokasi tumpuan umum kerana bebas daripada bahan-bahan toksik atau kimia yang berbahaya.

Katanya, keberkesananannya untuk membunuh serangga berbahaya itu juga diyakini kerana teknologi yang diguna pakai menyasarkan larva nyamuk Aedes selain berupaya melumpuhkan kitaran nyamuk dalam tempoh jangka masa panjang.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kementerian menyasarkan sebanyak 60 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan untuk dikomersialkan menjelang hujung tahun ini.

Mousticide kekang denggi di KL Sentral

Kuala Lumpur: Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) semalam melancarkan Program Rawatan Denggi Mousticide bagi mencegah penyakit berkekenaan di KL Sentral.

Program itu diadakan dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), serta syarikat peneraju bioteknologi, Entogenex Industries Sdn Bhd (Entogenex) yang memperkenalkan produk Mousticide bagi menghapuskan nyamuk Aedes beberapa bulan lalu.

Mampu bunuh jentik-jentik

Dua produk syarikat itu, Mousticide RH dan Mousticide WP, dikatakan mampu membunuh jentik-jentik sehingga 100 peratus tanpa memberi sebarang kesan kepada nyawa manusia, haiwan, serangga atau tumbuh-tumbuhan.

Pengarah Urusan Kumpulan MRCB, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din, berkata program itu dilancarkan kerana pihaknya amat mementingkan keselamatan serta kebersihan sebagai pemaju hartanah di kawasan berkenaan dan ia sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka kepada masyarakat.

"Kita berusaha menggunakan



Ewon (dua dari kanan) bersama Mohamad Salim menggunakan produk Mousticide bagi menghapuskan nyamuk Aedes pada Program Rawatan Denggi Mousticide di NU Sentral, Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO KHAIIRULL AZRY BIDIN/BH)

semua kaedah untuk mengawal penyakit denggi dan akan melancarkan program sama di Brickfields nanti," katanya selepas majlis pelancaran Program Rawatan

Denggi Mousticide di NU Sentral di sini, semalam.

Majlis pelancaran berkenaan disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Da-

tuk Dr Ewon Ebin.

Perluas program pencegahan Mengulas sama ada MRCB akan memperluaskan program seum-

"MRCB amat pentingkan keselamatan serta kebersihan sebagai pemaju hartanah di kawasan ini dan ia adalah tanggungjawab sosial korporat kami kepada masyarakat"

Mohamad Salim Fateh Din,
Pengarah Urusan
Kumpulan MRCB

pama ini selain di Brickfields, Mohamad Salim berkata, pihaknya akan memberi tumpuan program pencegahan denggi di projek pembinaannya.

"Kawasan ini perlu bebas denggi dan ia adalah sebahagian daripada standard keselamatan dan kesihatan di projek pembinaan kami," katanya.

Berhubung isu lain, beliau berkata, MRCB menunggu maklum balas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengenalpasti jenis pembangunan yang sesuai untuk golongan gelandangan dan pihaknya sentiasa bersedia untuk melaksanakan CSR demi masyarakat.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 17
TARIKH : 15 OKTOBER 2014 (RABU)

Fighting dengue with larvicide

KUALA LUMPUR: A pilot programme to fight dengue using a novel larvicide has been introduced by the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti).

The programme will target Kuala Lumpur, Selangor, and Kelantan which are the worst hit by dengue, said Minister Datuk Dr Ewon Ebin at the launch of the programme here yesterday.

"Dengue incidents (in the country) are very high and all of us want to see the cases reduced," said Ewon, adding that Mosti is trying to help fight the menace using locally-made products.

The pilot programme utilises a mosquito larvicide that is the result of a collaboration between local firm Entogenex Industries Sdn Bhd and Mosti.

The year-long programme using the larvicide that incorporates a biological control

agent in the form of a bacteria called *Bacillus thuringiensis israelensis* will run for a year in the three States, and its expansion beyond these areas will depend on its performance.

Also in the larvicide mix is a synthetic compound that prevents mosquito larvae from digesting protein, leading to their eventual demise.

The anti-dengue programme was held at the Nu Sentral shopping mall at Kuala Lumpur Sentral organised by building owner, Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB).

According to MRCB group managing director Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din, the corporation will start with Kuala Lumpur Sentral and move on to other dengue hotspots in Brickfields.

Also present at the launch was EntoGenex executive chairman Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaafar.



Anti-Aedes mission: Ewon (left) and Mohamed Salim spraying the larvicide around the Nu Sentral mall in Brickfields.



Fighting dengue with larvicide



Anti-Aedes mission: Ewon (left) and Mohamed Salim spraying the larvicide around the Nu Sentral mall in Brickfields.

KUALA LUMPUR: A pilot programme to fight dengue using a novel larvicide has been introduced by the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti).

The programme will target Kuala Lumpur, Selangor, and Kelantan which are the worst hit by dengue, said **Minister Datuk Dr Ewon Ebin** at the launch of the programme here yesterday.

"Dengue incidents (in the country) are very high and all of us want to see the cases reduced," said Ewon, adding that Mosti is trying to help fight the menace using locally-made products.

The pilot programme utilises a mosquito larvicide that is the result of a collaboration between local firm Entogenex Industries Sdn Bhd and Mosti.

The year-long programme using the larvicide that incorporates a biological control agent in the form of a bacteria called *Bacillus thuringiensis israelensis* will run for a year in the three States, and its expansion beyond these areas will depend on its performance.


Also in the larvicide mix is a synthetic compound that prevents mosquito larvae from digesting protein, leading to their eventual demise.

The anti-dengue programme was held at the Nu Sentral shopping mall at Kuala Lumpur Sentral organised by building owner, Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB).

According to MRCB group managing director Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din, the corporation will start with Kuala Lumpur Sentral and move on to other dengue hotspots in Brickfields.

Also present at the launch was EntoGenex executive chairman Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaafar.

Mousticide - Controlling dengue and malaria at the source



Mousticide, to combat the dengue menace.

KUALA LUMPUR: As the world continues in its quest to find a vaccine against dengue fever, a new solution has been found to contain the epidemic at its source.

Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) in collaboration with the **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** and Entogenex Industries Sdn Bhd (Entogenex) will soon roll-out a long-term environmentally friendly solution,

This non-toxic application is biodegradable and eradicates the threat of the disease by efficiently eliminating its carrier, the aedes mosquito, early at its larval stage.

“A ground-breaking biotechnology approach such as the one we are conducting under the Mousticide Treatment Programme goes beyond any partnership and addresses a core issue of well-being for all urban residents, which is securing health against disease carriers,” said MRCB Group Managing Director, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din in a statement on Tuesday.

He added, the approach taken in developing this insecticide places high importance in maintaining the environment including initiative to ensure health, safety, comfort and convenience for all.

Mousticide RH contains two natural active ingredients, the TMOF protein and Bti bacteria, which work together to enhance the larvicide effect 100-fold. This ensure Mousticide is long lasting and that mosquitoes would not develop resistance.

It is applied to containers with standing water, which are common breeding areas such as fish tanks, gully traps and flower pots and will be eaten by mosquito larvae.

“We created this product by understanding the mosquito DNA, By suppressing its digestive system, it kills mosquito larvae before they mature into adults,” said Director and Founder of Entogenex, Marcus Francis.

He added, the product, the first of its kind in the world, has received positive response from several countries such as the United States, the Philippines and Sri Lanka.

"We have already tested the product in Setapak and Gombak with good results. Soon, Mousticide will be used extensively at three initial locations in Kuala Lumpur, Selangor and Kelantan," he said.

According to Marcus, the larvae will die within one to six hours after Mousticide is applied and a single application lasts up to three weeks.

Read more at: <http://english.astroawani.com/news/show/mousticide-controlling-dengue-and-malaria-at-the-source-46113?cp>



FOKUS IT

Oleh Afiq Hanif

afiq_hanif@mediaprima.com.my

Bajet 2015 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dilihat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai antara segmen yang ditumpukan.

Seperti biasa, segmen ICT menerima sejumlah peruntukan meliputi pelbagai aspek daripada nilai keseluruhan Bajet 2015 sebanyak RM273.9 bilion, peningkatan RM9.8 bilion berbanding peruntukan asal 2014.

Sebanyak RM223.4 bilion disediakan bagi perbelanjaan mengurus dan RM50.5 bilion lagi sebagai perbelanjaan pembangunan.

Antara peruntukan berkaitan teknologi yang disebut Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2015, baru-baru ini termasuk:

1 Mewujudkan Research Incentive Scheme for Enterprise (RISE) dengan peruntukan RM10 juta untuk menggalakkan syarikat menubuhkan pusat penyelidikan dalam bidang berteknologi tinggi, ICT dan industri berasaskan pengetahuan.

2 Kerajaan memperuntukkan RM200 juta kepada MyCreative Ventures pada 2012. Lanjutan daripada ini, usaha ini diteruskan melalui Dana Industri Kandungan Digital di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebanyak RM100 juta.

3 Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) di kawasan ekonomi berimpak tinggi diteruskan meliputi ibu negeri dan bandar terpilih di seluruh negara.

Tingkat inovasi

Segmen ICT antara tumpuan Bajet 2015 untuk beri peluang golongan muda



KREATIVITI penting untuk negara.

Sebanyak RM2.7 bilion dibelanjakan dalam tempoh tiga tahun membabitkan pembinaan 1,000 menara pen-

cawang telekomunikasi baru dan pembinaan kabel dasar laut.

4 Kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi melaksanakan program berkaitan, antaranya:

- Menyasarkan 360 produk inovasi berimpak tinggi dikomersialkan dalam tempoh 5 tahun akan datang.

- Menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM290 juta bagi dijalankan pelbagai aktiviti R&D yang berimpak tinggi.
- Menjenamakan semula SIRIM. Untuk itu, SME Technology Penetration, Upgrading Program dan Technology Auditing akan dilaksanakan.
- Memperkenalkan inisiatif baru iaitu Public Private Research Net work

yang diterajui Kementerian Pendidikan dengan kerjasama MTDC dengan peruntukan RM50 juta.

- Memperkukuhkan Program Technology Commercialization Platform oleh Agensi Inovasi Malaysia dengan tambahan RM50 juta.

5 Talent Corp akan menyediakan RM30 juta bagi program Industry Academia Collaboration di mana, universiti, entiti kerajaan dan industri bekerjasama membangunkan kurikulum program keusahawanan serta latihan industri.

5 Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai lokasi tumpuan bagi syarikat pemula atau start-up di rantau ini. Salah satu usaha adalah penubuhan MaGIC bagi mewujudkan ekosistem yang lebih kondusif untuk memudah cara syarikat start-up memulakan perniagaan. Justeru, bagi menarik lebih ramai usahawan ekspatriat syarikat start-up beroperasi di Malaysia, dicadangkan kriteria khas Modal Berbayar syarikat start-up ditetapkan sebanyak RM75,000. Usahawan ekspatriat start-up yang layak akan diberi Startup Work Pass untuk tempoh satu tahun.

Antara yang mencuri tumpuan ialah Dana Industri Kandungan Digital di bawah SKMM sebanyak RM100 juta lanjutan daripada peruntukkan RM200 juta



berimpak tinggi

majukan idea



GOLONGAN muda perlu ambil peluang.

PERKAKASAN tidak disebut dalam Bajet 2015 dan pengecualian GST.



kepada MyCreative Ventures (MyCreative) pada tahun 2012.

MyCreative Ventures adalah sebuah syarikat pelaburan kerajaan yang ditubuhkan April 2012 lalu bagi membangunkan industri kreatif.

Sudah pasti, industri kreatif seharusnya diberi tumpuan memandangkan menyumbang 1.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Setakat ini, 15 penerima bantuan modal dalam bentuk pinjaman mudah yang diuruskan oleh MyCreative yang mana kumpulan penerima pertama menerima dana RM21 juta awal tahun ini membolehkan syarikat terbabit mengembangkan kegiatan seni kreatif masing-masing ke tahap lebih tinggi.

Manakala fasa pengagihan seterusnya pula dijangka dibuat pada akhir tahun ini namun ia mungkin terhad kerana mengikut pemerhatian terdapat kekangan yang perlu dihadapi syarikat kreatif.

Bukan syok sendiri

Biasanya, kekangan yang berlaku itu adalah disebabkan syarikat tempatan tidak mempunyai rekod baik untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak bank bagi memperluaskan kegiatan masing-masing.

Inilah yang harus menjadi fokus kepada MyCreative bagi memastikan kreativiti tempatan tidak dikekang hanya kerana kurangnya pengetahuan dalam menguruskan perniagaan.

Manakala bagi rakyat negara ini yang sememangnya kreatif, anda perlu melihat realiti bersandarkan kepada model perniagaan berdaya maju serta realistik dan bukannya syok sendiri.

MyCreative seharusnya menjadi suntikan yang kuat kepada perkembangan industri kreatif negara terutama dalam seni visual seperti seni lukis dan perubahan bentuk, seni persembahan (teater dan tari), muzik, kesusasteraan, kandungan kreatif (animasi dan perfileman), seni fesyen dan rekaian serta seni tradisional (kraftangan dan batik).

Pernyataan syarikat pemula atau startup makin kerap didengar namun mung-

kin kurang mengerti makna perkataan terbabit.

Pernyataan start-up secara kasarnya bermakna anda baru saja memulakan syarikat dan mencari pelabur untuk meneruskan operasi berdasarkan idea asli yang diilhamkan.

Start-up mula diungkapkan syarikat teknologi yang baru saja bertapak namun disebabkan ramai dalam kalangan mereka berjaya, maka perkataan start-up menjadi popular. Misalnya, Facebook, Instagram dan WhatsApp yang kesemuanya bermula sebagai start-up.

Terjemah Imajinasi

Pelbagai kajian menunjukkan manusia mempunyai daya kreativiti dan imajinasi tersendiri yang mampu diterjemahkan ke dunia nyata.

Konsep terbabit mampu menjadikan anda berkecimpung terutama dalam bidang teknologi yang memerlukan idea baru bagi keperluan kehidupan.

Jika anda mempunyai idea bersesuaian, teruskan langkah merealisasikannya dalam bentuk aplikasi yang kini meluas memandangkan penggunaan telefon pintar bukan lagi keperluan asing dalam kehidupan.

Semua individu mempunyai keupayaan dengan idea bernas terutama penduduk Malaysia yang mampu ditransformasikan ke peringkat lebih jauh.

Apa yang diperlukan hanyalah tumpuan dan sokongan selain mampu berdikari.

Setiap kali idea itu datang, terjemahkannya ke peringkat lebih tinggi dan jangan sekali-kali mengalah jika gagal pada peringkat awal.

Golongan muda antara yang perlu memandangkan serius Bajet 2015 berkaitan syarikat pemula sekiranya mempunyai idea baik untuk menghasilkan produk sendiri.

Kebanyakan syarikat pemula yang membangunkan idea kreatif seperti aplikasi sekarang berdepan masalah untuk mengkomersialkan produk mereka kerana tidak diberi pendedahan sewajarnya berkaitan kehendak pasaran.

Ideanya mungkin baik tetapi ia perlu diperluaskan supaya bertahan lama dan bukannya cukup makan setahun dua.

Golongan muda perlu diberi fokus kerana kita mahu bantu lepasan universiti atau lepasan Sijil Pelajaran Ma-

laysia (SPM) yang berminat mencuburi bidang Reusahawanan.

Ini kerana golongan ini yang akan memacu pembangunan ekonomi Malaysia pada masa depan.

Banyak idea

Golongan muda mempunyai idea yang boleh dimajukan jika diberi peluang dan bimbingan sepatutnya.

Bagaimana agensi dapat membantu golongan usahawan teknologi muda ini untuk meningkatkan lagi perniagaan mereka?

Kebanyakan agensi ditubuhkan bagi membantu semua jenis usahawan berkaitan teknologi atau bidang lain.

Mereka akan mengumpul semua jenis usahawan dan mereka yang berminat dalam bidang teknologi dan menyediakan latihan serta bimbingan kepada mereka seperti diperuntukkan dalam bajet setiap tahun.

Antara program yang akan ditawarkan adalah jalinan kerjasama, mentor dan padanan perniagaan.

Golongan muda mempunyai banyak idea tetapi kurang pengalaman dan banyak yang kita dengar tetapi malang ada antara idea akhirnya dibeli oleh syarikat besar dari luar negara.

Malaysia perlu melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam bidang kreativiti dan inovasi. Ia bukan saja meningkatkan pendapatan mereka, bahkan mengharumkan nama negara.

Kesemuanya mampu dilaksanakan namun golongan mudah harus melepasi satu halangan iaitu pemikiran mereka sendiri.

Tahap kecekalan dan berdaya tahan jika mahu menjadi usahawan berjaya serta tidak hanya hangathang tahi ayam di separuh jalan.

Sementara itu, dari aspek prasarana, pembangunan lebih banyak pencawang telekomunikasi dan pemasangan HSBG di kawasan bandar sememang langkah baik.

Tetapi kawasan luar bandar juga harus disediakan lebih banyak pencawang HSBG dan pencawang telekomunikasi yang berkelajuan sekurang-kurangnya 3G bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pantas dunia maklumat kini.



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 15 OKTOBER 2014 (RABU)

TPM-BTP jalin kerjasama

Oleh NABILA YASMIN RAZIB

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Okt. - **Technology Park Malaysia Corporation (TPM)** dan **Bandung Techno Park (BTP)** Indonesia menjalin kerjasama bagi program ko-inkubasi dan inisiatif pengantara-bangsaan yang bertujuan membantu peserta inkubator mereka menembusi pasaran global.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin berkata, kerjasama antara kedua-dua pihak bermula selepas persetujuan kolektif antara inkubator ASEAN semasa Bengkel Perniagaan Teknologi ASEAN yang diadakan pada Jun tahun lalu di Bogor, Indonesia.

Katanya, satu memorandum persefahaman (MoU) antara TPM dan BTP telah ditandatangani baru-baru ini di Bandung sebagai merasmikan usahasma semasa lawatan delegasi 10 anggota terdiri daripada ahli-ahli inkubator TPM dan usahawan teknologi ke BTP.

"TPM dan BTP telah bersetuju untuk bekerjasama rapat dalam membangunkan program 'soft landing' atau 'co-incubation' untuk inkubator serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) daripada kedua-dua pihak, termasuk penyediaan ruang pejabat fizikal, bantuan perkhidmatan sokongan, dan perkhidmatan inkubator maya," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



MOHD. AZMAN SHAHIDIN

Tambahnya, kedua-dua pihak bersetuju mengenai kemasukan peserta dalam program itu adalah mengikut prosedur pemilihan dan saringan yang sedia ada di TPM dan BTP.

"Di samping itu, mereka akan diberikan tempoh setahun untuk peneroakan perniagaan dan akan diberi bantuan pengkhususan dan penggunaan kemudahan pejabat secara percuma selama tidak melebihi 90 hari," jelasnya.

Tambahnya, mereka yang dipilih berhak untuk menyertai aktiviti meliputi akses kepada pasaran, pembiayaan, teknologi dan pakar seperti akses kepada kerjasama dan rangkaian, dan khidmat nasihat perniagaan berkaitan dengan persekitaran dan keperluan perniagaan tempatan.

Jelas Mohd. Azman, kerjasama antara TPM dan BTP adalah langkah utama untuk syarikat baharu di TPM dan usahawan teknologi untuk meneroka peluang perniagaan di luar pasaran domestik.

"Sebagai inkubator terkemuka di Malaysia, kami yakin bahawa perkiraan itu akan memberi manfaat bersama untuk usahawan dan rakan-rakan mereka di BTP bagi mempercepatkan pertumbuhan mereka dalam arena global.

"Ini sudah tentu menggalakkan rangkaian yang lebih kukuh, berkongsi pengetahuan dan pengalaman serta menawarkan peluang untuk jangkauan pasaran yang lebih luas," katanya.

Antara peserta inkubati TPM yang telah dikenal pasti mempunyai kapasiti dan kemampuan eksport adalah Y Us Sdn. Bhd.; Zenotech Biotechnology Sdn. Bhd.; GeneNews Diagnostics Sdn. Bhd.; SME Cloud Sdn. Bhd.; Ultisasia Sdn. Bhd.; Akriz Sdn. Bhd.; iPraxis Sdn. Bhd.; Omniphics Sdn. Bhd. dan Cloudsoft Sdn. Bhd.



TPM, BTP Bekerjasama Bantu Peserta Inkubator Tembusi Pasaran Global

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- [Technology Park Malaysia Corp \(TPM\)](#) menjalinkan kerjasama dengan Bandung Techno Park (BTP) Indonesia untuk melaksanakan inkubator bersama serta inisiatif pengantarabangsaan bagi membantu peserta inkubator menembusi pasaran global.

Kerjasama itu merupakan lanjutan daripada persetujuan kolektif antara inkubator ASEAN semasa Bengkel Perniagaan Teknologi ASEAN di Bogor, Indonesia tahun lepas, kata TPM dalam satu kenyataan.

[Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TPM Datuk Ir Mohd Azman Shahidin](#) berkata kerjasama antara TPM dan BTP merupakan langkah utama untuk syarikat baharu di TPM dan usahawan teknologi meneroka peluang perniagaan di luar pasaran domestik.

"Sebagai inkubator terkemuka di Malaysia, kami yakin bahawa usaha itu akan memberi manfaat bersama untuk usahawan dan rakan-rakan mereka di BTP dalam mempercepat pertumbuhan mereka dalam arena global.

"Ia sudah tentu menggalakkan rangkaian yang lebih kukuh, berkongsi pengetahuan dan pengalaman dan menawarkan peluang untuk jangkauan pasaran yang lebih luas," kata Azman.

Melalui usaha sama ini, TPM dan BTP akan membangunkan program pelaksanaan/inkubator bersama untuk inkubator/Perindustrian Kecil Sederhana (PKS) kedua-dua pihak, termasuk penyediaan ruang pejabat fizikal, bantuan perkhidmatan sokongan dan perkhidmatan inkubator maya.

"Kedua-dua pihak bersetuju bahawa kemasukan ahli-ahli inkubator/PKS dalam program itu adalah mengikut prosedur pemilihan dan saringan masing-masing yang sedia ada di TPM dan BTP," katanya.

-- BERNAMA

Tidak standard tanpa label

■ Barangan komunikasi tak patuhi pensijilan SKMM bahayakan pengguna

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Barangan tidak mematuhi standard atau produk komunikasi yang tidak mempunyai label pensijilan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dianggap produk 'tidak standard' di Malaysia.

Pengerusinya, Datuk Mohamed Sharil Tarmizi berkata, tanpa label SKMM atau tanda pensijilan daripada badan pensijilan diakreditasi oleh Standards Malaysia, barangan itu mungkin tidak selamat, tidak boleh dipercayai dan mungkin menyalahi undang-undang jika digunakan di negara ini.

"Sebagai contoh, pemancar AV tanpa wayar atau router tidak standard yang dijual dalam talian pada harga murah. Tidak ramal yang menyedari bahawa peranti berkenaan boleh mengganggu peranti standard lain yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar, menyebabkan masalah kepada pengguna dan penyedia perkhidmatan.

"Pengguna mesti bijak semasa membeli, tapi pada masa sama, SKMM menggesa semua penjual supaya bertanggungjawab dengan mengikuti prosedur dan mendapatkan pensijilan yang diperlukan bagi membolehkan produk mereka dijual di Malaysia. Ia adalah situasi menang-menang untuk kedua-dua pengguna dan penjual," katanya dalam kenyataan media bersama antara Standard Malaysia dan SKMM sempena Hari Standard Sedunia, semalam.

SKMM, badan pengawal selia bagi sektor komunikasi sudah menguatkuasakan 10 Standard Mandatori dan 24 Kod Teknikal yang dibangunkan berdasarkan standard kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan.

Standard berkenaan bertujuan mengawal selia kualiti perkhidmatan komunikasi dan memastikan keselamatan dan prestasi produk komunikasi.

Sementara itu, Ketua Penga-



MOHAMED Sharil

rah Standards Malaysia, Datuk Fadilah Baharin berkata, keselamatan dan kualiti yang menepati standard adalah kunci kepada mengekalkan dan meningkatkan gaya hidup rakyat.

"Melalui standard dan pematuhan, kami boleh memastikan pihak industri menyediakan produk dan perkhidmatan yang selamat, sekali gus meningkatkan keyakinan orang ramai.

"Di Malaysia, semua produk mandatori seperti mainan kanak-kanak, topi keledar, perkakas rumah, bar keluli untuk pembinaan dan sistem kesela-

matan kenderaan perlu melalui beberapa siri ujian dan pensijilan untuk membuktikan produk tersebut selamat untuk digunakan," katanya.

Menurutnya setakat ini, Standards Malaysia sudah membangunkan lebih 6,500 standard di seluruh 24 sektor ekonomi serta mengiktiraf 501 makmal untuk beberapa jenis ujian dan penentuan selain 24 badan pensijilan untuk pelbagai sistem pengurusan dan pensijilan produk berdasarkan standard diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Kerjasama Standards Malaysia dan SKMM ini diharap dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan industri dan pengguna mengenai kepentingan standard dalam ekonomi global hari ini.

"Dalam persekitaran kawalan kendiri ini, pengguna lebih arif, justeru mendorong industri untuk menyediakan produk selamat dan berkualiti," katanya.

FAKTA

SKMM sudah kuatkuasa 10 Standard Mandatori dan 24 Kod Teknikal

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 15 OKTOBER 2014 (RABU)

**Internet: 40%
pelajar tidak
tahu kaedah
lindungi diri**

PULAU PINANG 14 Okt. - Sebanyak 40 peratus pelajar sekolah di negara ini mengakui mereka tidak mengetahui kaedah untuk melindungi diri sendiri ketika menggunakan perkhidmatan internet.

Selain itu, sebanyak 83 daripada mereka juga terdedah kepada risiko atas talian disebabkan mengambil langkah perlindungan yang minimum.

Dua fakta berkenaan merupakan antara hasil kajian keselamatan internet kebangsaan yang dijalankan syarikat telekomunikasi Digi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan **Cyber Security Malaysia**.

Pengarah Program Keselamatan Siber Sekolah Digi, Philip Ling berkata, kajian berkenaan melibatkan 14,000 pelajar di seluruh negara dalam tempoh sembilan bulan.

Katanya, sebanyak 1,850 pelajar membabitkan 31 buah sekolah di negeri ini turut terlibat.

"Kajian berkenaan turut menyentuh isu buli di internet yang mana pelajar sekolah turut menjadi mangsa," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Philip berkata, kajian tersebut juga mendapati sebanyak 70 peratus pelajar tidak kisah terhadap pencerobohan privasi atau perlunya untuk mengenali individu yang sering berkomunikasi dengan mereka melalui internet.

Kajian berkenaan antara lain turut mendapati trend pembulian siber yang berlaku berasa pada peringkat membimbangkan.

"Sebanyak 70 peratus mengakui pernah berdepan pelbagai bentuk gangguan dalam talian termasuk memanggil kanak-kanak lain dengan nama yang tidak baik dan memaparkan mesej serta gambar yang tidak sesuai," katanya.

Daripada jumlah itu, katanya, 26 peratus mengakui mereka pernah dibuli menerusi internet terutama yang berusia antara 13 hingga 15 tahun.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 15 OKTOBER 2014 (RABU)

Golongan pelajar tidak prihatin mengenai pencerobohan privasi mereka

Terdedah risiko jenayah siber

Oleh RIZAM ZAKARIYA
rizam.zakariya@kosmo.com.my

GEORGE TOWN - Satu kaji selidik mendapati sejumlah besar golongan pelajar tidak mengambil langkah perlindungan secukupnya ketika berkomunikasi secara dalam talian dan melayari kandungan internet.

Pengurus Program Cyber-Safe di Sekolah DiGi, Philip Ling berkata, melalui *Kaji Selidik Kebangsaan 2014: Cyber-Safe di Sekolah*, secara purata 70 peratus pelajar di seluruh negara tidak prihatin tentang pencerobohan terhadap privasi mereka atau identiti orang yang berinteraksi dengan mereka.

"Berdasarkan kajian terhadap hampir 14,000 responden yang terdiri daripada pelajar sekolah dari pelbagai peringkat umur, kira-kira satu per empat atau 3,600 responden pula mengaku pernah dibuli sekurang-kurangnya sekali ketika melayari internet," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Buli siber merujuk kepada perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti khidmat pesanan ringkas (SMS), chatting, emel, laman web sosial atau permainan internet.



GOLONGAN pelajar yang melayari internet tanpa pengawasan ibu bapa dan penjaga terdedah kepada risiko jenayah siber dan pencerobohan privasi mereka. - Gambar hiasan

Mengulas lanjut mengenai kajian itu, Ling turut memberitahu, selain tahap perlindungan yang masih rendah, sebahagian besar responden turut mendedahkan mereka tidak diawasi oleh mana-mana pihak termasuk ibu bapa ketika melayari internet.

"Lebih daripada 50 peratus mengakui kerap melayari internet tanpa diawasi oleh mana-mana pihak dengan hampir kesemua daripada mereka memberitahu tidak pernah terikat kepada mana-mana peraturan ketika menggunakan internet.

"Angka-angka tersebut memberi gambaran bahawa ramai ibu bapa atau penjaga

tidak pernah mengambil peduli apakah kandungan internet yang dilayari oleh anak-anak mereka.

"Sikap tersebut akan mendorong golongan remaja untuk meneroka internet dengan lebih jauh sekali gus meningkatkan risiko bahaya penggunaannya terhadap remaja itu sendiri," katanya.

Menurut Ling, kajian tersebut yang dilaksanakan oleh syarikat telekomunikasi, DiGi dengan kerjasama Cyber-Safe Security, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains dan Teknologi, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia itu bertujuan mengesan budaya

penggunaan internet dalam kalangan pelajar sekolah.

Jelasnya, ia juga bertujuan bagi menerap dan meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan peserta berhubung keselamatan semasa melayari internet terutama bagi melindungi maklumat peribadi daripada diceroboh pihak lain.

Justeru katanya, golongan pelajar dinasihatkan agar meningkatkan tahap keselamatan ketika melayari internet terutama mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak-pihak tertentu selain meningkatkan ciri-ciri keselamatan bagi melindungi maklumat peribadi daripada diceroboh.



LING menunjukkan laporan *Kaji Selidik Kebangsaan 2014: CyberSafe di Sekolah* pada sidang akhbar di George Town semalam.

Pusaran angin berbunyi seperti helikopter rosakkan 10 rumah, sebuah sekolah

Puting beliung landa Pendang

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlda.idros@kosmo.com.my

ALOR SETAR - Penduduk Kampung Alor Besar, Kobah, Pendang dekat sini gempar ekoran dilanda puting beliung dianggarkan setinggi bangunan empat tingkat ketika hujan lebat semalam.

Dalam kejadian pukul 4.10 petang itu, puting beliung yang dikatakan bermula di kawasan sawah padi telah mengakibatkan kerosakan 10 buah rumah dan sebuah sekolah.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Alor Besar, Norzizan Jaafar memberitahu, kejadian itu amat menakutkan lebih-lebih lagi ketika puting beliung itu menghampiri kawasan kampung.

"Saya mendengar bunyi kuat seperti helikopter sebelum ternampak satu pusaran angin bergerak dari tengah sawah ke arah kawasan kampung.

"Pada masa itu, saya turut melihat atap zink berterbangan akibat dilanda puting beliung berkenaan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Norzizan berkata, peristiwa itu menyebabkan penduduk kampung ketakutan dan segera memasuki rumah masing-masing untuk menyelamatkan diri sebelum pusaran angin itu reda kira-kira 20 minit kemudian.

"Banyak rumah yang



SEKOLAH Kebangsaan Alor Besar mengalami kerosakan teruk selepas dilanda puting beliung di Kampung Alor Besar, Kobah semalam.



BEBERAPA kediaman rosak teruk dihempap pokok tumbang selepas dilanda puting beliung di Kampung Alor Besar, Kobah semalam.

mengalami kerosakan teruk dengan hampir kesemua bumbung diterbangkan angin selain ada rumah yang dihempap pokok tumbang," katanya lagi.

Jurucakap Polis Daerah Pendang ketika dihubungi pula mengesahkan kejadian itu. Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Sementara itu, **Jabatan Meterologi Malaysia**

(JMM) mengesahkan pusaran angin yang berlaku di Kampung Alor Besar petang semalam bukan puting beliung tetapi ia dikenali sebagai *land spout*.

Jurucakap JMM ketika dihubungi berkata, Malaysia bukanlah menjadi laluan puting beliung.

'Bumbung, dinding rumah berterbangan'

» 10 premis di Kampung Alor Besar rosak dilanda puting beliung

Oleh Adha Ghazali, Nur Syazwana Mansor dan Zahratulhayat Mat Arif
bhnews@bh.com.my

► Pendang

"Bunyi angin kuat sungguh, macam kipas helikopter tengah berputing atas bumbung," demikian cerita Norzizan Jaafar, 35, saksi fenomena puting beliung yang melanda Kampung Alor Besar, dekat Pendang, semalam.

Fenomena itu yang dikatakan pertama kali tercetus di negara ini menyebabkan sekurang-kurangnya 10 rumah di kampung itu termasuk sebuah sekolah terjejas apabila pusaran angin yang melanda menyebabkan bumbung dan dinding rumah berterbangan.

Norzizan berkata, ketika kejadian jam 4.15 petang, dia berada di sawah sebelum tiba-tiba terdengar bunyi kuat dari arah utara berhampiran sekolah kebangsaan yang terletak kira-kira 200 meter dari tempat dia berada.

Bunyi angin kuat


"Pada mulanya saya ingat ada helikopter mahu mendarat keceemasan, tetapi selepas perhati elok-elok baru saya perasan rupanya ia puting beliung. Saya nampak dengan jelas angin berpusar langgar kawasan sekolah sebelum angkat bumbung dan beberapa rumah.

"Melihat kejadian itu, saya tak tunggu lama sebelum terus lari ke kawasan tengah padang untuk menyelamatkan diri, apatah lagi bumbung rumah yang dibawa angin mula menghempap beberapa rumah lain di kawasan berdekatan," katanya ketika ditemui.

Seorang lagi saksi, Mohd Hafzi



Abdullah melihat rumahnya yang rosak akibat puting beliung yang melanda Kampung Alor Besar. Gambar kecil, khemah di Taman Seri Kota turut diterbangkan angin, semalam. (FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH)



kira-kira 100 meter dari rumah saya. Ketika itu, angin semakin kuat disusuli hujan lebat.

Kenderaan turut rosak

"Dalam ketakutan, saya terus masuk ke rumah untuk berlindung sehingga keadaan ribut reda. Kejadian ini menyebabkan sekurang-kurangnya tujuh rumah di kawasan kediaman rosak," katanya.

Tinjauan mendapati, beberapa struktur rumah terutama zink dan kayu bertaburan selepas diterbangkan angin sehingga beberapa meter dari lokasi asal.

Malah, beberapa kenderaan diletakkan di bawah garaj rumah

yang terjejas juga dihempap sisa runtuhannya kayu alang dan bumbung, selain pokok besar di kawasan kampung juga tumbang.

Selain itu, sebuah sekolah rendah di Kampung Alor Besar turut menerima kesan selepas angin puting beliung turut merosakkan bumbung bangunan yang menempatkan bilik darjah dan makmal komputer.

Sementara itu, pegawai meteorologi kanan Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, mengesahkan fenomena berkenaan sebagai puting beliung dan ia adalah yang pertama direkodkan di Malaysia.

Abdul Rahman, 26, pula mengakui terkejut mendengar bunyi angin kuat, sebelum keluar meninjau dan mendapati kawasan kediamannya sedang dilanda ribut.

"Ketika keluar, saya tergamam melihat pusaran objek tinggi yang kemudian disedari ia pusaran angin seakan-akan puting beliung,



Bumbung Sekolah Kebangsaan Alor Besar rosak akibat puting beliung melanda Kampung Alor Besar, semalam.



Bilik darjah Pra-Sekolah Kebangsaan Alor Besar dihempap bumbung akibat puting beliung, semalam.

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 01
TARIKH: 15 OKTOBER 2014 (RABU)



Rare 'twister' wrecks havoc

ALOR STAR — At least 10 houses and a primary school were badly damaged when a landspout lashed through Kampung Alor Besar, Pendang, near here at about 4.30pm yesterday.

There were no casualties in the incident which the **Meteorological Department** described as rare phenomenon. Picture taken from the North-South Expressway posted by *Twitter user @udean94*.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 15 OKTOBER 2014 (RABU)

Bukan
puting
beliung

ALOR SETAR 14 Okt. -
Jabatan Meteorologi mengesahkan kejadian ribut yang berlaku di Kampung Alor Besar, Kobah, Pendang bukan puting beliung.

Jurucakapnya ketika dihubungi berkata, negara ini bukan terdiri dalam kalangan negara yang menjadi laluan puting beliung.

"Apa yang terjadi di Kampung Alor Besar petang tadi dikenali sebagai *land spout*. Selalunya jika terjadi di kawasan perairan ia dikenali sebagai belalai air.

"Fenomena ini terjadi disebabkan pertembungan angin kencang dan awan yang membawa hujan," katanya.

Kanak-kanak tiada kerakyatan boleh mohon jadi warganegara Malaysia

Ujian DNA jadi dokumen sokongan

Oleh ZULKIFLI MANZOR
zulkfli.manzor@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Keputusan ujian Asid Deoksiribonukleik (DNA) boleh digunakan sebagai dokumen sokongan untuk permohonan kewarganegaraan oleh kanak-kanak yang tiada kerakyatan.



Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (**gambar kecil**) berkata, keputusan DNA itu bagaimanapun bukan suatu dokumen man-

datori dalam pertimbangan untuk kerajaan meluluskan permohonan itu.

"Ujian DNA boleh dijadikan sebagai dokumen sokongan permohonan kewarganegaraan apabila terdapat keraguan ke atas permohonan yang dikemukakan.

"Bagaimanapun, pemohon masih lagi tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan," katanya sewaktu menjawab soalan Loke Siew Fook (DAP-Seremban) pada sidang Dewan Rakyat di Parlimen semalam.

Siew Fook ingin mengetahui sama ada Kementerian Dalam Negeri menerima laporan DNA sebagai bukti sokongan untuk permohonan kewarganegaraan dalam kalangan kanak-kanak tiada kerakyatan yang bapanya



PROSES permohonan kewarganegaraan termasuk individu tiada kerakyatan termaktub di bawah undang-undang Perlembagaan Persekutuan. - Gambar hiasan.

merupakan warga Malaysia.

Wan Junaidi menjelaskan, bagi kes kanak-kanak yang lahir di ne-

gara ini tetapi perkahwinan ibu bapa tidak didaftarkan mengikut undang-undang dan ibunya bukan

rakyat Malaysia, maka kanak-kanak itu bukan warga Malaysia dan perlu mengikut taraf kewarganegaraan ibunya.

Bagaimanapun, katanya, jika perkahwinan ibu bapa tidak didaftarkan, tetapi ibunya rakyat Malaysia, maka kanak-kanak itu akan diberikan taraf warga Malaysia.

Tegas beliau, taraf kewarganegaraan tidak akan diberi sewenang-wenangnya kepada mana-mana individu kerana ia anugerah tertinggi kerajaan Malaysia.

Beliau dalam pada itu memaklumkan, tiada permohonan kewarganegaraan tertunggak pada masa ini dan kerajaan bersedia mengkaji kos ujian DNA di Jabatan Kimia sebanyak RMI,500 yang didakwa tinggi.



Parlimen: Keputusan DNA Boleh Jadi Dokumen Sokongan Permohonan Kewarganegaraan

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Keputusan ujian DNA boleh dijadikan sebagai dokumen sokongan untuk permohonan kewarganegaraan kanak-kanak yang tiada kerakyatan, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Dewan Rakyat hari ini.

Bagaimanapun, Wan Junaidi berkata laporan DNA bukan dokumen mandatori yang diperlukan oleh kementerian untuk mempertimbang permohonan berkenaan dan ia masih tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan.

"Bagi kanak-kanak yang lahir di persekutuan tetapi perkahwinan ibu bapa tidak didaftarkan di bawah undang-undang dan ibunya bukan warganegara Malaysia, maka kanak-kanak itu bukan warganegara Malaysia dan mengikut kewarganegaraan ibunya.

"Jika kanak-kanak lahir di persekutuan dan perkahwinan ibu bapa tidak didaftarkan, tetapi ibunya warganegara Malaysia, maka kanak-kanak itu akan diberikan taraf warganegara Malaysia," katanya ketika menjawab soalan Loke Siew Fook (DAP-Seremban) pada Persidangan Dewan Rakyat di sini Selasa.

Loke ingin tahu sama ada kementerian menerima laporan DNA sebagai bukti sokongan untuk kes-kes permohonan kewarganegaraan dalam kalangan kanak-kanak tiada kerakyatan yang bapanya merupakan warganegara.

Wan Junaidi berkata, taraf kewarganegaraan tidak akan ditawarkan sewenang-wenangnya kepada mana-mana individu kerana ia anugerah tertinggi kerajaan Malaysia dan tertakluk kepada dokumen yang memenuhi syarat undang-undang.

Tambahnya, buat masa ini tiada permohonan kewarganegaraan tertunggak.

Menjawab soalan tambahan Loke mengenai kos ujian DNA di [Jabatan Kimia](#) sebanyak RM1,500 yang dilihat terlalu tinggi, Wan Junaidi berkata, kementerian bersedia berbincang dengan Jabatan Kimia untuk mengurangkannya.

Pesara, bilal cedera parah dihempap kereta

Marang: Malang tidak berbau kepada seorang pesara Jabatan Kimia dan bilal masjid apabila cedera parah dihempap kereta sendiri yang melayang akibat rempuhan kenderaan terbabas dalam nahas di Kampung Pulau Kerenga, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian pada jam 1.30 tengah hari itu, mangsa Musa Ngah, 55, yang kini kritikal, bersama tiga lagi rakannya sedang berehat di bangku hentian bas yang terletak di hadapan masjid kampung berkenaan, selepas mereka selesai solat Zuhur.

Ketika sedang berbual di situ, sebuah kereta dipandu seorang lelaki berusia 41 tahun dari arah Kuala Terengganu ke Dungun, terbabas sebelum merempuh kereta milik Musa yang diletak bersebelahan bangku hentian bas berkenaan.

Sempat selamatkan diri
Rempuhan menyebabkan kereta

mangsa melayang menghempap mangsa dan rakannya yang juga bilal masjid, Ibrahim Muda, 55, hingga terperosok di bawah remukan kenderaan terbabit. Dua rakan lain cedera ringan kerana sempat menyelamatkan diri.

Anak mangsa, Nor Sulia Hasanah Musa, 30, berkata bapanya dan bilal masjid berkenaan hanya dapat dikeluarkan daripada remukan kereta yang menghempap mereka dengan bantuan anggota bomba dan penyelamat yang tiba di lokasi.

"Saya bergegas dari rumah ke lokasi sebaik mengetahui kejadian. Sejurus tiba, saya terkejut melihat remukan kereta bapa dan kenderaan yang merempuhnya," katanya.

Ketua Polis Daerah Marang, Deputi Superintendan Risikin Sati-man, ketika dihubungi berkata punca nahas sedang disiasat mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Beliau berkata, siasatan awal



Anggota bomba berusaha mengeluarkan **Musa yang dihempap kereta PERODUA** miliknya di Kampung Pulau Kerenga, Marang, semalam.


mendapati pemandu kereta yang terbabas dan merempuh mangsa itu dipercayai memandu dalam

keadaan mengantuk.

"Kes ini masih dalam siasatan dan kita minta saksi yang melihat

kejadian tampil di mana-mana balai berdekatan untuk membantu siasatan," katanya.

KERATAN AKHBAR
 HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 6
 TARIKH : 15 OKTOBER 2014 (RABU)



ORANG ramai melihat kemalangan kereta Proton Gen 2 merempuh kereta Perodua Viva yang mencederakan dua mangsa.

Dihempap kereta depan masjid

■ Pesara Jabatan Kimia, bilal masjid parah terbabit nahas

Oleh Khairul Hamizy Ramlee
 am@hmetro.com.my
Marang

Seorang pesara Jabatan Kimia kini bertarung nyawa selepas dihempap kereta Perodua Viva miliknya dalam kejadian di Kampung Pulau Kerangga, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 1.30 petang, mangsa Musa Ngah, 55, dan tiga rakannya ketika itu bermalah di bangku pekarangan masjid kampung berkenaan sebelum kereta Proton Gen 2 dipandu lelaki berusia 41 tahun dari arah Kuala Terengganu menuju ke Dungan terbabas lalu merempuh kereta Perodua Viva diparkir di situ.

Rempuhan kuat itu menyebabkan kereta Perodua

Viva itu tercampak dan merempuh Musa serta tiga rakannya yang berada di situ.

Anak mangsa, Nor Sulia Hasanah, 30, berkata, bapanya dihempap kereta Perodua Viva itu dan bilal masjid, Ibrahim Muda, 55, tercampak akibat dirempuh kenderaan sama, manakala dua rakan lain hanya cedera ringan kerana sempat melarikan diri.

Menurutnya, bilal masjid berkenaan parah di bahagian dalaman badan, manakala bapanya parah di kepala serta beberapa bahagian badan itu dikeluarkan anggota bomba yang tiba tidak lama kemudian sebelum dihantar

ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu.

Katanya, ketika kejadian, dia berada di rumah dan bergesas ke lokasi kejadian sebaik dimaklumkan saudara maranya mengenai kejadian berkenaan.

"Saya terkejut melihat kereta Perodua Viva dan Proton Gen 2 itu remuk akibat kemalangan ini.

"Pemandu kereta Proton Gen 2 hanya cedera ringan dan membuat laporan di Balai Polis Marang.

"Doktor memberitahu keadaan bapa dan bilal masjid itu masih kritikal serta perlu menjalani pembedahan

segera," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Marang Deputi Superintendan Risikin Sa timan mengesahkan kejadian dan berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 43(D) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Menurutnya, siasatan awal mendapati pemandu dari Kampung Sungai Kerak, di sini, itu dipercayai menanruk lalu merempuh kenderaan di bahu jalan Masjid Kampung Pulau Kerangga, di sini.

Beliau berkata, pihaknya meminta kerjasama orang ramai yang melihat kejadian itu supaya tampil ke balai polis berhampiran bagi membantu siasatan.

FAKTA
 Pemandu Proton Gen 2 dipercayai mengangkut ketika kejadian



AHLI keluarga Musa yang menanti mangsa di HSNZ, semalam.



ORANG ramai membantu mangsa selepas kemalangan.



ANGGOTA bomba turut membantu mangsa yang dihempap Perodua Viva miliknya di Kampung Pulau Kerangga, semalam.